

**KAJIAN PENILAIAN PROSES SERTA KAWALAN PENGUMPULAN DATA
AKAUN BELUM TERIMA DAN
AKAUN BELUM BAYAR
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
CAD/K/4/2014**

1. LATAR BELAKANG

- 1.1 Bermula Tahun Kewangan 2015, sistem perakaunan Kerajaan Persekutuan akan berubah daripada kaedah perakaunan tunai ubahsuai kepada perakaunan akruan. Pelaksanaan perakaunan akruan ini juga sejajar dengan Transformasi Sektor Awam dalam Model Baru Ekonomi bertujuan memantapkan pengurusan fizikal berhemat serta mempertingkatkan kecekapan pengurusan kewangan dan perakaunan Kerajaan Persekutuan.
- 1.2 Perbendaharaan Malaysia telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2013 yang merupakan satu garis panduan pelaksanaan perakaunan akruan Kerajaan Persekutuan. Secara asasnya, perakaunan akruan mengiktiraf dan merekodkan urus niaga semasa ianya berlaku. Ia bermaksud semua urus niaga sama ada yang melibatkan pembelian aset, penghutang, liabiliti, penerimaan hasil dan perbelanjaan akan diiktiraf berdasarkan kriteria yang dinyatakan dalam Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) yang disediakan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).
- 1.3 Tanggungjawab Pegawai Pengawal dalam memastikan pelaksanaan perakaunan akruan dibuat sewajarnya untuk memastikan daftar aset dan liabiliti dikemaskini selaras dengan pekeliling dan peraturan yang berkuatkuasa. Ia bertujuan untuk mendapatkan baki awal bagi pelaksanaan perakaunan akruan pada tahun 2015.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai proses serta kawalan pengumpulan data baki awal Akaun Belum Terima (ABT) dan Akaun Belum Bayar (ABB) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ke arah penyediaan Perakaunan Akruan yang betul dan saksama mulai tahun 2015.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

- 3.1 Pengauditan ini merangkumi aspek Pengesahan Baki Awal ABT dan ABB melalui sistem dan dokumen sokongan, memeriksa penyenggaraan rekod berkaitan daftar kutipan dan sistem kutipan ABT dan ABB yang digunakan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ). Selain itu pengauditan juga bertujuan untuk menilai dan mengenal pasti jenis-jenis ABT dan ABB yang wujud di PTJ sehingga tempoh 31 Disember 2013.
- 3.2 Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen yang berkaitan. Pemeriksaan turut dilaksanakan terhadap sistem yang digunakan serta menganalisis laporan-laporan yang dikeluarkan oleh sistem tersebut. Pengauditan telah dijalankan di lapan PTJ iaitu dua JKN, tiga hospital dan tiga Pejabat Kesihatan Daerah (PKD)/Pejabat Kesihatan Kawasan (PKK) yang dipilih. Butiran adalah seperti **Jadual 1** berikut:

Jadual 1
Pusat Tanggungjawab Yang Diaudit

Negeri	Pusat Tanggungjawab
Sabah	Jabatan Kesihatan Negeri
	Hospital Queen Elizabeth
	Hospital Wanita Dan Kanak-kanak Sabah (Likas)
	Pejabat Kesihatan Kawasan Tuaran
	Pejabat Kesihatan Kawasan Penampang
Pahang	Jabatan Kesihatan Negeri
	Hospital Tengku Ampuan Afzan
	Pejabat Kesihatan Daerah Kuantan

4. PENEMUAN AUDIT

4.1 Perbezaan Baki ABT Antara Laporan KKM Dan PTJ

Laporan ABT yang disediakan oleh setiap PTJ akan dikemukakan kepada JKN setiap enam bulan untuk tujuan penyelarasan. JKN kemudiannya akan mengemukakan laporan ini kepada pihak KKM mengikut format dan tempoh yang telah ditetapkan.

Semakan Audit terhadap rekod-rekod ABT di empat PTJ di Pahang dan sembilan PTJ di Sabah, mendapati wujud perbezaan jumlah ABT yang dilaporkan pada 31 Disember 2013 mengikut rekod PTJ berbanding dengan jumlah yang dinyatakan dalam laporan ABT KKM yang disediakan oleh Bahagian Akaun KKM berjumlah RM20.57 juta seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2**Perbezaan Rekod ABT Di PTJ Dan KKM Pada 31 Disember 2013**

Negeri	PTJ	Rekod Di Bahagian Akaun KKM	Rekod Di JKN/PTJ	Perbezaan
Pahang	Jabatan Kesihatan Negeri Pahang	0	7,189.94	(7,189.94)
	Hospital Tengku Ampuan Afzan	2,437,399.07	2,445,250.86	7,851.79
	Hospital Temerloh	0	1,328,596.29	(1,328,596.29)
	Pejabat Kesihatan Kuantan	0	82,106.23	82,106.23
Sabah	Jabatan Kesihatan Negeri Sabah	0	23,835.46	23,835.46
	Hospital Wanita Dan Kanak-kanak Sabah (Likas)	16,852,492.50	16,852,492.50	0.00
	Hospital Queen Elizabeth	0	15,596,683.87	(15,596,683.87)
	Hospital Queen Elizabeth (II)	0	632,766.00	(632,766.00)
	Hospital Lahad Datu	0	1,366,320.77	(1,366,320.77)
	Hospital Kota Belud	0	342,624.00	(342,624.00)
	Hospital Keningau	0	1,426,427.00	(1,426,427.00)
	Pejabat Kesihatan Kawasan Tuaran	0	2,000.00	2,000.00
	Pejabat Kesihatan Kawasan Penampang	0	8,984.00	8,984.00
Jumlah		19,289,891.57	40,115,276.92	(20,575,830.39)

Semakan lanjut audit mendapati perbezaan ini disebabkan perkara berikut:

4.1.1 Perbezaan Laporan ABT Bagi Caj Rawatan

Semakan rekod ABT telah dibuat terhadap lapan PTJ (hospital) mendapati tunggakan bil rawatan di enam hospital yang berjumlah RM20.68 juta tidak diambilkira sebagai ABT dalam laporan ABT yang disediakan oleh Bahagian Kewangan KKM. Butirannya adalah sebagaimana **Jadual 3** di bawah.

Jadual 3
Perbezaan Rekod ABT Caj Rawatan Di PTJ Dan KKM
Pada 31 Disember 2013

Negeri	PTJ	Rekod Di Bahagian Akaun KKM	Rekod Di JKN/PTJ	Perbezaan
Pahang	Hospital Tengku Ampuan Afzan	2,437,399.07	2,437,399.07	0.00
	Hospital Temerloh	0	1,328,596.29	(1,328,596.29)
Sabah	Hospital Likas	16,852,492.50	16,852,492.50	0.00
	Hospital Queen Elizabeth	0	15,585,775.70	(15,585,775.70)
	Hospital Queen Elizabeth (II)	0	632,766.00	(632,766.00)
	Hospital Lahad Datu	0	1,366,320.77	(1,366,320.77)
	Hospital Kota Belud	0	342,624.00	(342,624.00)
	Hospital Keningau	0	1,426,427.00	(1,426,427.00)
Jumlah		19,289,891.57	39,972,401.33	(20,682,509.76)

Pada pendapat Audit, walaupun difahamkan tunggakan bil rawatan hospital hanya akan diambilkira dalam Perakaunan Akruan pada 2017, sistem perekodan hendaklah diperbaiki mulai sekarang kerana ia melibatkan jumlah kutipan hasil terbesar di KKM.

4.1.2 ABT Tidak Diisytihar Oleh PTJ

Semakan audit mendapati beberapa perkara yang dikategorikan sebagai ABT tidak diisytihar oleh PTJ iaitu kompaun rokok dan denggi oleh PKD/PKK/PKB, emolumen terlebih bayar dan pendahuluan diri yang belum dikutip. Jenis-jenis ABT ini wujud di PTJ namun jumlah sebenar tidak dilaporkan kepada pihak KKM. Berdasarkan sampel rekod kewangan di PTJ, sejumlah RM142,875.59 ABT yang terdiri dari kompaun denggi dan rokok serta emolumen yang terlebih bayar tidak diisytihar dan dilaporkan kepada KKM. Butiran dan PTJ terlibat adalah sebagaimana **Jadual 4** berikut:

Jadual 4

ABT Lain Yang Tidak Diisytihar Pada 31 Disember 2013

PTJ	Denggi (RM)	Rokok (RM)	Emolumen (RM)	Jumlah (RM)
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah	TB	TB	23,835.46	23,835.46
Hospital Queen Elizabeth	TB	TB	10,908.17	10,908.17
Pejabat Kesihatan Kawasan Penampang	2,000.00	TM	-	2,000.00
Pejabat Kesihatan Kawasan Tuaran	-	-	8,984.00	8,984.00
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang	TB	TB	7,189.94	7,189.94
Hospital Tengku Ampuan Afzan	TB	TB	7,851.79	7,851.79
Pejabat Kesihatan Daerah Kuantan	31,500.00	21,500.00	29,106.23	82,106.23
JUMLAH	33,500.00	21,500.00	87,875.59	142,875.59

Nota: TB – Tidak Berkenaan

TM – Tiada maklumat

Antara punca ABT ini tidak dilaporkan adalah kerana kekeliruan tafsiran ABT iaitu seperti status bayaran balik emolumen terlebih bayar melalui potongan gaji yang telah dianggap selesai oleh PTJ walaupun bayaran sepenuhnya belum selesai dikutip balik.

Pada pendapat Audit, wujud perbezaan rekod yang material dalam pelaporan ABT di antara PTJ dan KKM. Perbezaan ini menyebabkan rekod atau jumlah sebenar ABT yang dilaporkan di peringkat KKM adalah tidak tepat dan boleh menjejaskan nilai sebenar baki yang akan dimuktamadkan untuk pelaksanaan akaun akrual pada tahun 2015 kelak. Pihak JKN yang bertindak sebagai penyelaras kepada pelaporan ABT perlu memeriksa, menyemak dan mendapatkan pengesahan dari PTJ terhadap maklumat ABT yang dilaporkan.

4.2 Akaun Belum Bayar

ABB adalah tanggungan hutang kepada pihak luar yang perlu dijelaskan dengan tunai, barangan atau perkhidmatan dalam satu tempoh perakaunan. Semakan audit di PTJ-PTJ yang dipilih mendapati ABB yang terdapat di KKM ialah seperti AP58(a) dan deposit yang belum dipulangkan. Di Hospital Queen

Elizabeth dan Jabatan Kesihatan Negeri Pahang, AP58(a) pada tahun 2014 berjumlah RM37,345.28 tidak diambilkira sebagai ABB masing-masing pada 31 Disember 2013. Oleh itu jumlah ABB yang dilaporkan di peringkat KKM tidak menggambarkan nilai sebenar kedudukannya. Butirannya adalah seperti **Jadual 5** berikut:

Jadual 5
Elemen Yang Tidak Diambil Kira Sebagai ABB Oleh PTJ

PTJ	Jenis Bayaran	Perkara	Amaun (RM)
Hospital Queen Elizabeth	AP 58(a)	Kemudahan tuntutan pembelian alat komunikasi mudah alih bagi 4 orang pegawai (RM1,000.00@ seorang)	4,000.00
Hospital Queen Elizabeth	AP 58(a)	Tuntutan Yuran Keahlian Dalam National Specialist Register (NSR) bagi pakar perubatan KKM	1,000.00
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang	AP 58(a)	PKD Jerantut - Indah Water	285.00
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang	AP 58(a)	Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (HOSAS) - Tuntutan perjalanan bagi bulan Ogos 2013	353.67
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang	AP 58(a)	Hospital Jengka - Yuran Radicare Bulan Disember 2013	21,384.61
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang	AP 58(a)	PKD Jerantut – Elaun Sukarelawan Disember 2013	1,350.00
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang	AP 58(a)	Hospital Kuala Lipis – Tuntutan EKLWBB Disember 2013	4,035.00
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang	AP 58(a)	Klinik Pergigian Pekan – Tuntutan pertukaran dan perpindahan	4,937.00
Jumlah			37,345.28

Pada pendapat Audit, kaedah pelaporan ABB hendaklah dikenalpasti supaya semua ABB diambilkira ke dalam akaun pada 31 Disember setiap tahun. Pemantauan dan pelaporan pesanan tempatan, tuntutan serta bil yang belum dibayar pada akhir tahun hendaklah dimantapkan.

4.3 PTJ Tidak Menyelenggara Rekod ABT dan ABB Dengan Kemaskini

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2008 dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Bil. 9 Tahun 2011, dikeluarkan sebagai garis panduan untuk

penyelenggaraan dan pelaporan ABT. Rekod-rekod berkaitan perlu diselenggara dengan lengkap dan kemaskini untuk memastikan baki ABT dapat dilaporkan dengan tepat dan selaras dengan format yang ditetapkan. Selain itu penyelenggaraan rekod juga penting bagi penyediaan penyata dan laporan, mengesan serta memperbaiki prestasi pungutan dan tindakan susulan ABT oleh pihak pengurusan.

Semasa lawatan audit mendapati rekod-rekod berkaitan ABT dan ABB di PTJ-PTJ berkenaan tidak diselenggara dengan kemaskini. Butirannya seperti di **Jadual 6** berikut:

Jadual 6
Rekod ABT dan ABB Tidak Kemaskini

Pusat Tanggungjawab	Rekod Tidak Dikemaskini
Hospital Queen Elizabeth	Bayaran balik gaji
Hospital Wanita Dan Kanak-kanak Sabah (Likas)	Deposit sewaan Perjanjian sewaan Daftar sewa premis demis
Pejabat Kesihatan Kawasan Tuaran	Daftar kompaun rokok dan denggi
Pejabat Kesihatan Kawasan Penampang	Daftar kompaun rokok dan denggi
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang	Penyata ABT bagi PTJ di bawahnya

Pada pendapat Audit, rekod berkaitan ABT perlu disenggara dengan teratur dan kemaskini. Satu daftar berkaitan subsidiari setiap jenis ABT dan ABB perlu diwujudkan oleh PTJ dan disenggarakan dengan teratur dan kemaskini bagi memastikan setiap baki akhir ABT dan ABB adalah tepat sehingga berakhir tempoh 31 Disember pada setiap tahun.

4.4 Penggunaan Sistem Pengumpulan Maklumat ABB Dan ABT

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2008 menghendaki pegawai pengawal mewujudkan tatacara ABT dengan mengambil kira sistem yang berkesan bagi tujuan mengemaskini rekod ABT yang tepat. Semakan Audit di

hospital mendapati sistem kutipan hasil yang digunakan adalah berbeza-beza tetapi dengan tujuan yang sama iaitu sebagai sistem untuk pengurusan pesakit termasuk merekod caj dan kutipan untuk bil hospital.

Semakan Audit mendapati Hospital Queen Elizabeth telah menggunakan Sistem Pengurusan Pesakit (SPP), manakala Hospital Tengku Ampuan Afzan menggunakan Sistem Pengurusan Pesakit Dalam (SPPD). Selain itu, Sistem Maklumat Hospital (HIS) juga digunapakai oleh Hospital seperti Hospital Bintulu dan Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu. Bagaimanapun terdapat hospital lain seperti Hospital Wanita Dan Kanak-kanak Sabah (Likas) yang dilawati oleh Cawangan Audit Dalam tidak mempunyai sistem khusus bagi merekod kutipan hasil pesakit dan hanya menggunakan sistem e-Terimaan.

Semakan Audit mendapati sistem-sistem seperti di atas tidak mengambilkira maklumat ABT pesakit kerana ianya dibangunkan untuk merekod maklumat berkaitan pendaftaran pesakit dan juga pengiraan bil pesakit. Rekod pembayaran bil dan baki bil yang belum dibayar tidak dapat diproses oleh sistem-sistem ini.

Pada pendapat Audit, sistem sedia ada boleh ditambahbaik dengan mengintegrasikan modul pengiraan bil dan sistem terimaan hasil yang digunapakai di hospital supaya maklumat bil yang belum dibayar boleh dijana daripada sistem bagi membantu perakaunan ABT yang lebih cekap.

5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, proses dan kawalan pengumpulan data di peringkat PTJ boleh dipertingkatkan dengan mengesyorkan pihak pengurusan memberi pertimbangan kepada perkara berikut:

- a. Penyelenggaraan rekod dan penggunaan sistem yang teratur dan kemaskini perlu dibuat dari semasa ke semasa bagi memastikan semua rekod berkaitan ABT dan ABB adalah memberi gambaran yang tepat dan selaras dengan *standard* perakaunan yang telah ditetapkan.

- b. Menyediakan pelan latihan dan taklimat kepada pegawai yang bertanggung jawab bagi memberi pendedahan dan pengetahuan berkaitan pelaksanaan perakaunan Akruan.
- c. Pemantauan yang berterusan terhadap penyediaan rekod dan tindakan yang telah diambil bagi memastikan ABT dan ABB dapat diselesaikan.